



ALUNAN  
— R E S O R T —

**Laporan Berkala Program Terumbu**



ALUNAN  
CORAL PROJECT

**Alunan Resort, Pulau Perhentian**

Jun 2020

## *PERHENTIAN CORAL NURSERY*

### PERKEMBANGAN PROJEK

Sepanjang tahun 2019, karang berjumlah 1,115 telahpun ditanam di Kawasan restorasi. Jenis karang yg ditanam paling banyak adalah jenis bercabang (*Acropora* sp., *Pocillopora* sp.), disamping beberapa jenis karang bebentuk massif (*Porites* sp., *Galaxea* sp.). Aktiviti penanaman karang ini selain dilakukan oleh tetamu hotel, ia turut disertai pelbagai pihak, termasuklah pengendali pusat selam, syarikat korporat dan pelajar sekolah, dimana karang yang diambil adalah daripada kawasan *Reef Care* Alunan Resort.

Pemantauan pasca tengkujuh yang dijalankan sebelum perintah kawalan pergerakan (PKP) akibat mendapati 58.8% karang yang mati adalah dari spesis bercabang *Acropora* sp. Karang dari spesis yang sama berbentuk piring/meja dilihat lebih lasak. Walaubagaimanapun, saiz nubin yang kecil mungkin menyebabkan kadar kemandirian karang *Acropora* sp. jenis bercabang menjadi rendah.

Sebahagian nubin dari spesis *Acropora* yang berukuran lebih diantara 5-8 cm dilihat tidak mampu membesar dan hidup dengan baik, manakala nubin yang berukuran 8 cm keatas dan mempunyai sekurang-kurangnya cabang kedua didapati hidup dengan baik. Karang bercabang yang lain seperti *Echinopora* sp. dan *Pocillopora* sp. dilihat mampu bertahan dan membesar dikawasan restorasi. Bagi meningkatkan kepelbagaian diversiti, karang jenis masif dan karang jenis lunak turut ditanam. Tinjauan awal mendapati kedua-dua jenis karang tersebut mempunyai kadar kemandirian yang baik dan tiada kematian nubin direkodkan setakat tinjauan terakhir.



Kebanyakan *Acropora* sp. bersaiz diantara 5-8 cm (kiri) jenis bercabang yang tidak mempunyai sekurang-kurangnya cabang kedua didapati tumbuh dengan kadar yang perlahan berbanding *Acropora* sp. berbentuk *digitate* atau berjari (kanan) yang mempunyai cabang kedua atau lebih semasa ditanam.



Karang bercabang spesis *Echinopora* dan *Pocillopora* antara spesis yang dilihat tumbuh lebih cepat dan mempunyai kadar kemadirian yang lebih tinggi.



Karang masif dari spesis *Galaxea* menunjukkan pertumbuhan yang ketara diantara September 2019 (kiri) sehingga Febuari 2020 (kanan)



Sekurang-kurangnya 6 juvenil kima direkodkan mulai bertapak di sekitar kawasan restorasi, dimana kima tumbuh pada kawasan kosong diatas papak konkrit yang dijadikan sebagai substrat. Diameter unit pasu adalah 3.5 inci.

Nubin yang mati atau hilang diganti dengan nubin yang baru dengan membuka semula tali pengikat pada pasu yang digunakan untuk menanam karang. Permukaan papak konkrit tidak dibersihkan bagi mengelakkan kehilangan lapisan *biofilm* yang menjadi isyarat untuk organisma mikro terutamanya larva invertebrat seperti kima untuk menetap sebelum menjalani proses metamorfosis (perubahan bentuk fizikal yang berlaku dalam kitaran hidup sesuatu organisma).

Pemantauan dari masa ke semasa di kawasan restorasi akan terus dijalankan disamping terus mengadakan sesi perkongsian bersama pelawat disekitar Pulau Perhentian mengenai kesedaran marin. *Eco-snorkeling* juga telah diterapkan didalam setiap trip snorkeling yang dijalankan oleh pihak resort bagi memastikan hidupan marin terutamanya batu karang dan penyu dapat dilindungi dengan baik.

Pengurus *Alunan Coral Project*,

Aimi Osman

Alunan Resort

Saintis Pemantau,

Dr. Gerald Goeden

*Blue Planet Environmental*